

D893

U B052 DEB
PARLIMEN - PNB

KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) BUKAN SAHAJA MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN MASYARAKAT BUMIPUTERA MALAHAN KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA AMNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETAKAT INI PNB DAN SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) TELAH MELABUR DALAM LEBIH 100 BUAH SYARIKAT DENGAN JUMLAH PELABURAN \$6,000 JUTA DI PELBAGAI SEKTOR EKONOMI.

PNB AKAN TERUS MELABUR DAN MEMAINKAN PERANANNYA DALAM BEBERAPA SEKTOR EKONOMI YANG PENTING MELALUI PENGUSAANNYA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT TERTENTU, KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN ENCIK ABDUL GHANI OTHMAN (BN-LEDANG) DI DEWAN RAKYAT.

SELAIN ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, PNB JUGA MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG DILABURNYA MENGELUARKAN KEUNTUNGAN YANG BERPATUTAN DAN PIHAK PENGURUSAN MENGENDALIKAN OPERASI SYARIKAT-SYARIKAT ITU DENGAN CEKAP DAN BERKESAN.

PNB AKAN JUGA MEWUJUD DAN MELATIH TENAGA PEKERJA BUMIPUTERA YANG BERKALIBER UNTUK MENGURUS DAN MENGENDALIKAN OPERASI SYARIKAT TERUTAMANYA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT DIMANA IA MEMPUNYAI PEGANGAN SAHAM MAJORITI. - LAGI.

1624MST 09 03 87

D894

U B053 DEB
PARLIMEN - PNB 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PNB KINI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEPERTI KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELIDIKAN KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA YANG INGIN MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN DR TAN SENG GIAW (DAP-KEPUNG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PNB BERCADANG MEMPERLUASKAN PELABURANNYA DI LUAR NEGERI BAGI MENCUBA MENGAUT KEUNTUNGAN YANG SELAMA INI DIGONDOL OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

BELIAU BERKATA ADA DI ANTARA SYARIKAT MILIK PNB SEKARANG DITUBUHKAN SEMASA ZAMAN BRITISH YANG TELAH PUN MEMPUNYAI PELABURAN MELUAS DI LUAR NEGERI DAN KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK MENGHAD PELABURAN PNB DI LUAR NEGERI PADA MASA DEPAN. - BERNAMA.

1625MST 09 03 87